

KEMASKINI 1 OKTOBER 2025

Pindaan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat

DEWAN RAKYAT

*Amendment of Standing Orders
of the*

DEWAN RAKYAT

DILULUSKAN
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT PADA
11 OKTOBER 2023

Pindaan Peraturan Mesyuarat 7

Peraturan Mesyuarat 7(3) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “sementara dengan tidak payah diberitahu Majlis Mesyuarat dengan secaranya dan ahli” dengan perkataan “tempoh yang ditetapkan olehnya dengan tidak payah diberitahu Majlis Mesyuarat. Ahli”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “sehingga Tuan Yang di-Pertua balik semula mengetuakan mesyuarat” dengan perkataan “bagi tempoh yang ditetapkan itu”.

Teks Pindaan

Bil.	Teks Asal Peraturan Mesyuarat 7	Teks Peraturan Mesyuarat 7 dengan Pindaan/Baharu
1.	7. (3) Pada bila-bila masa mesyuarat bersidang, Tuan Yang di-Pertua boleh meminta seseorang ahli mempengerusikan mesyuarat itu bagi sementara dengan tidak payah diberitahu Majlis Mesyuarat dengan secaranya dan ahli yang mempengerusikan ini tetaplah terserah kepadanya semua kuasa-kuasa Tuan Yang di-Pertua sehingga Tuan Yang di-Pertua balik semula mengetuakan mesyuarat.	7. (3) Pada bila-bila masa mesyuarat bersidang, Tuan Yang di-Pertua boleh meminta seseorang ahli mempengerusikan mesyuarat itu bagi tempoh yang ditetapkan olehnya dengan tidak payah diberitahu Majlis Mesyuarat. Ahli yang mempengerusikan ini tetaplah terserah kepadanya semua kuasa-kuasa Tuan Yang di-Pertua bagi tempoh yang ditetapkan itu.

Pindaan Peraturan Mesyuarat 16

Peraturan Mesyuarat 16 Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dipinda—

- (a) dalam perenggan (1)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “dirujuk kepada” dengan perkataan “diluluskan dan dirujuk kepada oleh Tuan Yang di-Pertua”;
 - (ii) dalam subperenggan (a), dengan memotong perkataan “dan” di hujung subperenggan itu;
 - (iii) dalam subperenggan (b), dengan menggantikan noktah di hujung subperenggan itu dengan perkataan “; dan”; dan
 - (iv) dengan memasukkan selepas subperenggan (b) subperenggan yang berikut:

“(c) apa-apa perkara yang disebut dalam penerangan daripada Menteri-menteri di bawah subperenggan (i) dalam perenggan (1) Peraturan Mesyuarat 14.”;
- (b) dalam perenggan (4), dengan menggantikan perkataan “bila-bila masa semasa persidangan” dengan perkataan “hari persidangan”;
- (c) dalam perenggan (5)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “buat sementara dengan tidak payah diberitahu Kamar Khas dengan caranya dan ahli” dengan perkataan “bagi tempoh yang ditetapkan olehnya dengan tidak payah diberitahu Kamar Khas. Ahli”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “sehingga Tuan Yang di-Pertua balik semula mengetuakan Kamar Khas” dengan perkataan “bagi tempoh yang ditetapkan itu”;
- (d) dalam perenggan (6), dengan menggantikan perkataan “hingga 4.30 petang atau lebih awal lagi setelah selesai atau ditangguhkan urusan dalam Aturan Urusan Mesyuarat Kamar Khas” dengan perkataan

“sehingga selesai semua urusan dalam Aturan Urusan Mesyuarat Kamar Khas bagi hari itu”; dan

(e) dengan memotong perenggan (8).

Teks Pindaan

Bil.	Teks Asal Peraturan Mesyuarat 16	Teks Peraturan Mesyuarat 16 dengan Pindaan/Baharu
1.	16. (1) Hendaklah ada sebuah Kamar Khas yang ditubuhkan untuk menimbangkan perkara yang dirujuk kepada seperti yang berikut: (a) ucapan berkenaan dengan apa-apa perkara tadbir yang dalam tanggungan Kerajaan di bawah Peraturan Mesyuarat 17; dan (b) perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai di bawah Peraturan Mesyuarat 18.	16. (1) Hendaklah ada sebuah Kamar Khas yang ditubuhkan untuk menimbangkan perkara yang diluluskan dan dirujuk kepadanya oleh Tuan Yang di-Pertua seperti yang berikut: (a) ucapan berkenaan dengan apa-apa perkara tadbir yang dalam tanggungan Kerajaan di bawah Peraturan Mesyuarat 17; (b) perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai di bawah Peraturan Mesyuarat 18; dan (c) apa-apa perkara yang disebut dalam penerangan daripada Menteri-menteri di bawah subperenggan (i) dalam perenggan (1) Peraturan Mesyuarat 14.
2.	16. (4) Kamar Khas boleh bermesyuarat pada bila-bila masa semasa persidangan Majlis sebagaimana yang ditentukan oleh Tuan Yang di-Pertua.	16. (4) Kamar Khas boleh bermesyuarat pada hari persidangan Majlis sebagaimana yang ditentukan oleh Tuan Yang di-Pertua.

3.	16. (5) Pada bila-bila masa Kamar Khas bersidang, Tuan Yang di-Pertua boleh meminta seseorang ahli mempengerusikan Kamar Khas buat sementara dengan tidak payah diberitahu Kamar Khas dengan caranya dan ahli yang mempengerusikan tetaplah terserah kepadanya semua kuasa-kuasa Tuan Yang di-Pertua sehingga Tuan Yang di-Pertua balik semula mengetuakan Kamar Khas.	16. (5) Pada bila-bila masa Kamar Khas bersidang, Tuan Yang di-Pertua boleh meminta seseorang ahli mempengerusikan Kamar Khas bagi tempoh yang ditetapkan olehnya dengan tidak payah diberitahu Kamar Khas. Ahli yang mempengerusikan tetaplah terserah kepadanya semua kuasa-kuasa Tuan Yang di-Pertua bagi tempoh yang ditetapkan itu.
4.	16. (6) Tiap-tiap persidangan Kamar Khas hendaklah dimulakan pada pukul 2.30 petang hingga 4.30 petang atau lebih awal lagi setelah selesai atau ditangguhkan urusan dalam Aturan Urusan Mesyuarat Kamar Khas.	16. (6) Tiap-tiap persidangan Kamar Khas hendaklah dimulakan pada pukul 2.30 petang sehingga selesai semua urusan dalam Aturan urusan Mesyuarat Kamar Khas bagi hari itu.
5.	16. (8) Tuan Yang di-Pertua boleh melanjutkan masa mesyuarat selepas pukul 4.30 petang setakat yang tidak melebihi lima belas minit untuk menamatkan perkara yang patut diselesaikan pada hari yang berkenaan juga.	16. (8) Dibatalkan

Pindaan Peraturan Mesyuarat 17

Peraturan Mesyuarat 17 Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dipinda dengan menggantikan perenggan (3) dengan perenggan yang berikut:

“(3) Tuan Yang di-Pertua hendaklah membenarkan tidak lebih daripada dua orang ahli untuk mengemukakan tidak lebih daripada dua usul bagi setiap ahli itu dalam satu mesyuarat Kamar Khas. Selepas Menteri menjawabnya, Ahli itu dibenarkan untuk mengemukakan satu pertanyaan tambahan bagi setiap usulnya bagi maksud menerangkan apa-apa butir perkara yang telah dijawab. Dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua hendaklah mengutamakan ahli-ahli yang belum mengemukakan apa-apa perkara di bawah Peraturan ini dalam Majlis Mesyuarat.”.

Teks Pindaan

Bil.	Teks Asal Peraturan Mesyuarat 17	Teks Peraturan Mesyuarat 17 dengan Pindaan/Baharu
1.	17. (3) Tuan Yang di-Pertua hendaklah membenarkan tidak lebih daripada dua orang ahli mengeluarkan perkara demikian ini pada satu hari persidangan mesyuarat, dengan diadakan undi bersurat jika mustahak. Dalam perkara ini Tuan Yang di-Pertua hendaklah mengutamakan ahli-ahli yang belum ada mengeluarkan sesuatu perkara di bawah Peraturan ini dalam penggal Majlis sekarang ini.	17.(3) Tuan Yang di-Pertua hendaklah membenarkan tidak lebih daripada dua orang ahli untuk mengemukakan tidak lebih daripada dua usul bagi setiap ahli itu dalam satu mesyuarat Kamar Khas. Selepas Menteri menjawabnya, Ahli itu dibenarkan untuk mengemukakan satu pertanyaan tambahan bagi setiap usulnya bagi maksud menerangkan apa-apa butir perkara yang telah dijawab. Dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua hendaklah mengutamakan ahli-ahli yang belum mengemukakan apa-apa perkara di bawah Peraturan ini dalam Majlis Mesyuarat.

Pindaan Peraturan Mesyuarat 44

Peraturan Mesyuarat 44 Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dipinda dalam perenggan (2)—

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan “sepuluh hari” perkataan “persidangan”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “dua hari” perkataan “persidangan”.

Teks Pindaan

Bil.	Teks Asal Peraturan Mesyuarat 44	Teks Peraturan Mesyuarat 44 dengan Pindaan/Baharu
1.	44. (2) Pengerusi hendaklah memerintah mana-mana ahli yang berkelakuan tidak senonoh atau melakukan perbuatan yang menghina Majlis Mesyuarat atau terus tidak mengendahkan kuasa Pengerusi keluar dari Majlis Mesyuarat bagi tempoh tidak melebihi sepuluh hari dan ahli tersebut hendaklah dengan serta-merta keluar dari Majlis Mesyuarat. Sekiranya mesyuarat berakhir sebelum tamat tempoh sedemikian, maka baki tempoh itu hendaklah dibawa ke mesyuarat yang akan datang, melainkan jika Parlimen dibubarkan sebelumnya. Jika Pengerusi tidak menentukan tempoh ahli diminta keluar, tempoh tersebut hendaklah disifatkan sebagai selama dua hari termasuk hari kejadian berkenaan.	44. (2) Pengerusi hendaklah memerintah mana-mana ahli yang berkelakuan tidak senonoh atau melakukan perbuatan yang menghina Majlis Mesyuarat atau terus tidak mengendahkan kuasa Pengerusi keluar dari Majlis Mesyuarat bagi tempoh tidak melebihi sepuluh hari persidangan dan ahli tersebut hendaklah dengan serta-merta keluar dari Majlis Mesyuarat. Sekiranya mesyuarat berakhir sebelum tamat tempoh sedemikian, maka baki tempoh itu hendaklah dibawa ke mesyuarat yang akan datang, melainkan jika Parlimen dibubarkan sebelumnya. Jika Pengerusi tidak menentukan tempoh ahli diminta keluar, tempoh tersebut hendaklah disifatkan sebagai selama dua hari persidangan termasuk hari kejadian berkenaan.

DILULUSKAN
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT PADA
12 OGOS 2025

Pindaan Peraturan Mesyuarat 8

Peraturan Mesyuarat 8 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “Bahasa Malaysia” dengan perkataan “bahasa Melayu”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “Bahasa Inggeris” dengan perkataan “bahasa Inggeris”.

Teks Pindaan

Bil.	Teks Asal	Pindaan
1.	8. Bahasa rasmi Majlis ialah Bahasa Malaysia, tetapi Tuan Yang di-Pertua boleh membenarkan penggunaan Bahasa Inggeris.	8. Bahasa rasmi Majlis ialah bahasa Melayu , tetapi Tuan Yang di-Pertua boleh membenarkan penggunaan bahasa Inggeris .

Pindaan Peraturan Mesyuarat 13

Peraturan Mesyuarat 13 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dipinda—

- (a) dengan menggantikan perenggan (3) dengan perenggan yang berikut:

“(3) Setelah dipanggil ahli-ahli dalam Majlis Mesyuarat atau Kamar Khas, Tuan Yang di-Pertua hendaklah, selepas habis tempoh dua minit, membilang ahli-ahli dalam Majlis Mesyuarat atau Kamar Khas. Jika tiada cukup bilang, Tuan Yang di-Pertua boleh memanggil semula ahli-ahli bagi suatu masa yang ditetapkan dan kemudiannya membilang ahli-ahli dalam Majlis Mesyuarat atau Kamar Khas. Jika tiada cukup bilang juga, Tuan Yang di-Pertua hendaklah menangguhkan Majlis Mesyuarat atau Kamar Khas hingga hari mesyuarat yang kemudian dengan tidak dikemukakan bagi diputuskan oleh mesyuarat.”

- (b) dengan menggantikan perenggan (4), dengan perenggan yang berikut:

“(4) Setelah dipanggil ahli-ahli dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis Mesyuarat, Pengerusi hendaklah, selepas habis tempoh dua minit, membilang ahli-ahli dalam Jawatankuasa. Jika tiada cukup bilang, Pengerusi hendaklah meninggalkan Kerusi Jawatankuasa dan Majlis Mesyuarat hendaklah bersidang sebagai Majlis, dan Tuan Yang di-Pertua hendaklah memanggil semula ahli-ahli bagi suatu masa yang ditetapkan dan kemudiannya membilang ahli-ahli dalam Majlis Mesyuarat. Jika cukup bilang, Majlis Mesyuarat hendaklah bersidang sebagai Jawatankuasa; tetapi jika tiada cukup bilang juga, Tuan Yang di-Pertua hendaklah menangguhkan Majlis Mesyuarat hingga hari mesyuarat yang kemudian dengan tidak dikemukakan bagi diputuskan oleh mesyuarat.”; dan

- (c) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam perenggan (5), dengan menggantikan perkataan “tidak cukupbilang” dengan perkataan “tiada cukup bilang”.

Teks Pindaan

Bil.	Teks Asal	Pindaan
1.	13. (3) Setelah dipanggil ahli-ahli itu, maka Tuan Yang di-Pertua, selepas	13. (3) Setelah dipanggil ahli-ahli dalam Majlis Mesyuarat atau

Bil.	Teks Asal	Pindaan
	genap dua minit, hendaklah membilang berapa orang ahli-ahli dalam Majlis Mesyuarat atau Kamar Khas; jika tidak cukup bilang juga maka hendaklah ditangguhkannya mesyuarat itu hingga hari mesyuarat yang kemudian dengan tidak dikemukakan bagi diputuskan oleh mesyuarat.	Kamar Khas, Tuan Yang di-Pertua hendaklah, selepas habis tempoh dua minit, membilang ahli-ahli dalam Majlis Mesyuarat atau Kamar Khas. Jika tiada cukup bilang, Tuan Yang di-Pertua boleh memanggil semula ahli-ahli bagi suatu masa yang ditetapkan dan kemudiannya membilang ahli-ahli dalam Majlis Mesyuarat atau Kamar Khas. Jika tiada cukup bilang juga, Tuan Yang di-Pertua hendaklah menangguhkan Majlis Mesyuarat atau Kamar Khas hingga hari mesyuarat yang kemudian dengan tidak dikemukakan bagi diputuskan oleh mesyuarat.
2.	13. (4) Setelah dipanggil ahli-ahli masa Jawatankuasa sebuah-buah Majlis Mesyuarat bersidang, maka Pengerusi, selepas dua minit, hendaklah membilang berapa ahli Jawatankuasa itu yang hadir. Jika tidak juga cukupbilang, maka Pengerusi hendaklah meninggalkan kerusi dan Majlis Mesyuarat hendaklah beredar balik seperti asal dan Tuan Yang di-Pertua hendaklah membilang berapa orang yang hadir. Jika masa itu cukupbilang, maka Majlis Mesyuarat hendaklah sekali lagi bersidang sebagai Jawatankuasa; tetapi jika tidak cukupbilang juga maka Tuan Yang di-Pertua hendaklah menangguhkan mesyuarat hingga hari mesyuarat yang kemudian dengan tidak dikemukakan bagi diputuskan oleh mesyuarat.	13. (4) Setelah dipanggil ahli-ahli dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis Mesyuarat, Pengerusi hendaklah, selepas habis tempoh dua minit, membilang ahli-ahli dalam Jawatankuasa. Jika tiada cukup bilang, Pengerusi hendaklah meninggalkan Kerusi Jawatankuasa dan Majlis Mesyuarat hendaklah bersidang sebagai Majlis, dan Tuan Yang di-Pertua hendaklah memanggil semula ahli-ahli bagi suatu masa yang ditetapkan dan kemudiannya membilang ahli-ahli dalam Majlis Mesyuarat. Jika cukup bilang, Majlis Mesyuarat hendaklah bersidang sebagai Jawatankuasa; tetapi jika tiada cukup bilang juga, Tuan Yang di-Pertua hendaklah menangguhkan Majlis Mesyuarat hingga hari mesyuarat yang

Bil.	Teks Asal	Pindaan
		kemudian dengan tidak dikemukakan bagi diputuskan oleh mesyuarat.
3.	13. (5) Jika, mengikut bilangan ahli-ahli yang mengambil bahagian dalam suatu belahbahagian, termasuk ahli-ahli yang tidak mengundi, nampak pada Pengerusi tidak cukupbilang, maka belahbahagian itu adalah tidak sah dan urusan yang sedang dibincangkan itu hendaklah ditangguhkan kepada persidangan mesyuarat akan datang dan urusan satu lagi hendaklah dijalankan.	13. (5) Jika, mengikut bilangan ahli-ahli yang mengambil bahagian dalam suatu belahbahagian, termasuk ahli-ahli yang tidak mengundi, nampak pada Pengerusi tiada cukup bilang , maka belahbahagian itu adalah tidak sah dan urusan yang sedang dibincangkan itu hendaklah ditangguhkan kepada persidangan mesyuarat akan datang dan urusan satu lagi hendaklah dijalankan.

Pindaan Peraturan Mesyuarat 14

Peraturan Mesyuarat 14(1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dipinda dengan memasukkan selepas subperenggan (i) subperenggan yang berikut:

“(ia) Penerangan mengenai penyata daripada Pengerusi Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan.”.

Teks Pindaan

Bil.	Teks Asal	Pindaan
1.	Tiada	14. (1)(ia) Penerangan mengenai penyata daripada Pengerusi Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan.

Pindaan Peraturan Mesyuarat 16

Peraturan Mesyuarat 16 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dipinda—

- (a) dalam perenggan (1)—
- (i) dalam subperenggan (b), dengan memotong perkataan “dan” di hujung subperenggan itu;
 - (ii) dalam subperenggan (c), dengan menggantikan noktah di hujung subperenggan itu dengan perkataan “; dan”; dan
 - (iii) dengan memasukkan selepas subperenggan (c) subperenggan yang berikut:

“(d) Penerangan mengenai penyata daripada Pengerusi Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan.”; dan
- (b) dengan menggantikan perenggan (3) dengan perenggan yang berikut:
- “(3) Cukup bilang Kamar Khas hendaklah terdiri daripada tiga orang ahli termasuk Tuan Yang di-Pertua.”.

Teks Pindaan

Bil.	Teks Asal	Pindaan
1.	Tiada	16. (1)(d) Penerangan mengenai penyata daripada Pengerusi Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan.
2.	16.(3) Cukup bilang Kamar Khas hendaklah tiga orang ahli dan terdiri daripada—	16. (3) Cukup bilang Kamar Khas hendaklah terdiri daripada tiga orang ahli termasuk Tuan Yang di-Pertua.
	(a) Tuan Yang di-Pertua; (b) seorang ahli yang mengeluarkan usul; dan (c) seorang ahli Kerajaan.	

Pindaan Peraturan Mesyuarat 26

Peraturan Mesyuarat 26(1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dipinda dengan memotong subperenggan (j).

Teks Pindaan

Bil.	Teks Asal	Pindaan
1.	26. (1)(j) usul hendak mengedarkan sesuatu Rang Undang-undang itu kepada Jawatankuasa Pilihan menurut Peraturan Mesyuarat 54;	26. (1)(j) <i>(Dibatalkan)</i> ;

Pindaan Peraturan Mesyuarat 36

Peraturan Mesyuarat 36(4) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dipinda dalam teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan perkataan “(biadap)” dengan perkataan “(biadab)”.

Teks Pindaan

Bil.	Teks Asal	Pindaan
1.	36. (4) Adalah menjadi kesalahan bagi Ahli-ahli Dewan yang menggunakan bahasa kurang sopan (biadap) atau membuat pernyataan yang seksis.	36. (4) Adalah menjadi kesalahan bagi Ahli-ahli Dewan yang menggunakan bahasa kurang sopan (biadab) atau membuat pernyataan yang seksis.

Pindaan Peraturan Mesyuarat 54

Peraturan Mesyuarat 54 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dipinda dengan menggantikan perenggan (2) dengan perenggan yang berikut:

“(2) Setelah dibacakan Rang Undang-undang kali yang kedua, maka Rang Undang-undang itu hendaklah terserah kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis melainkan jika Majlis mengeluarkan usul untuk menyerahkan Rang Undang-Undang itu kepada Jawatankuasa Pilihan. Uslu ini boleh dicadangkan oleh mana-mana ahli dengan pemberitahu sekurang-kurangnya satu hari hendaklah dikemukakan terlebih dahulu melainkan jika Tuan Yang di-Pertua berpuas hati bahawa adalah tidak praktik dalam keadaan itu untuk dikemukakan pemberitahu itu sebelum usul itu diserahkan kepada Majlis Mesyuarat bagi diputuskan dan hendaklah diputuskan dengan tidak boleh dipinda atau dibahas.”.

Teks Pindaan

Bil.	Teks Asal	Pindaan
1.	54. (2) Setelah dibacakan Rang Undang-undang kali yang kedua, maka Rang Undang-undang itu akan terserah kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis, kecuali jika Majlis mengeluarkan usul menyerahkannya kepada Jawatankuasa Pilihan. Uslu ini tidak berkehendak dikeluarkan pemberitahu tetapi mestilah dibuat sebaik-baik sahaja dibacakan Rang Undang-undang itu kali yang kedua, dan boleh dicadangkan oleh mana-mana ahli; masalah atau usul ini hendaklah dikemukakan serta-merta kepada mesyuarat bagi diputuskan dan hendaklah diputuskan dengan tidak boleh dipinda atau dibahas.	54. (2) Setelah dibacakan Rang Undang-undang kali yang kedua, maka Rang Undang-undang itu hendaklah terserah kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis melainkan jika Majlis mengeluarkan usul untuk menyerahkan Rang Undang-Undang itu kepada Jawatankuasa Pilihan. Uslu ini boleh dicadangkan oleh mana-mana ahli dengan pemberitahu sekurang-kurangnya satu hari hendaklah dikemukakan terlebih dahulu melainkan jika Tuan Yang di-Pertua berpuas hati bahawa adalah tidak praktik dalam keadaan itu untuk dikemukakan pemberitahu itu sebelum usul itu diserahkan kepada Majlis Mesyuarat bagi diputuskan dan hendaklah diputuskan dengan tidak boleh dipinda atau dibahas.

Pindaan Peraturan Mesyuarat 76

Peraturan Mesyuarat 76(1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “Peraturan-peraturan Mesyuarat ini” perkataan “dan Akta Perkhidmatan Parlimen 2025”.

Teks Pindaan

Bil.	Teks Asal	Pindaan
1.	76.(1) Hendaklah ada sebuah Jawatankuasa yang akan dinamakan Jawatankuasa Pemilih, dilantik awal tiap-tiap Parlimen kerana menjalankan kewajipan-kewajipan yang diuntukkan baginya oleh Peraturan-peraturan Mesyuarat ini, dan kerana menjalankan apa-apa perkara lain yang diserahkan kepadanya oleh Majlis dari satu masa ke satu masa.	76.(1) Hendaklah ada sebuah Jawatankuasa yang akan dinamakan Jawatankuasa Pemilih, dilantik awal tiap-tiap Parlimen kerana menjalankan kewajipan-kewajipan yang diuntukkan baginya oleh Peraturan-peraturan Mesyuarat ini dan Akta Perkhidmatan Parlimen 2025 , dan kerana menjalankan apa-apa perkara lain yang diserahkan kepadanya oleh Majlis dari satu masa ke satu masa.

Pindaan Peraturan Mesyuarat 80A

Peraturan Mesyuarat 80A Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “Ordinan Majlis-Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952” dengan perkataan “Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “Ordinan tersebut” dengan perkataan “Akta tersebut”.

Teks Pindaan

Bil.	Teks Asal	Pindaan
1.	80A. Walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 80 berhubungan dengan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, kiranya pada hemat Majlis telah berlakunya, sama ada oleh seorang ahli atau oleh mana-mana orang lain, apa-apa perbuatan, perkara atau benda yang boleh dikenakan hukuman sebagai perbuatan menghina Majlis di bawah Ordinan Majlis-Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952, Majlis boleh melantik suatu Jawatankuasa untuk terus menyiasat hal itu dan mengambil tindakan yang bersesuaian mengikut Ordinan tersebut.	80A. Walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 80 berhubungan dengan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, kiranya pada hemat Majlis telah berlakunya, sama ada oleh seorang ahli atau oleh mana-mana orang lain, apa-apa perbuatan, perkara atau benda yang boleh dikenakan hukuman sebagai perbuatan menghina Majlis di bawah Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952 , Majlis boleh melantik suatu Jawatankuasa untuk terus menyiasat hal itu dan mengambil tindakan yang bersesuaian mengikut Akta tersebut .

Peraturan Mesyuarat baharu 80B

Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dipinda dengan memasukkan selepas Peraturan Mesyuarat 80A Peraturan Mesyuarat yang berikut:

“Jawatankuasa- jawatankuasa Pilihan berkaitan Kementerian 80B (1) Hendaklah ada Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan berkaitan Kementerian yang dinamakan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual yang mengandungi tidak lebih daripada dua belas orang ahli yang dilantik oleh Jawatankuasa Pemilih. Pengerusi dan Naib Pengerusi hendaklah dipilih dari kalangan ahli jawatankuasa.

(2) Semasa ketiadaan Pengerusi dan Naib Pengerusi oleh sebab keuzuran atau sebab-sebab lain, Jawatankuasa hendaklah memilih mana-mana ahli untuk menjadi Pengerusi bagi mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa itu.

(3) Kecuali perkara-perkara yang diperiksa oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara di bawah Peraturan Mesyuarat 77(1), menjadi kewajipan Jawatankuasa untuk—

- (a) meneliti Rang Undang-undang berkaitan dengan Kementerian yang telah dibacakan kali yang pertama;
- (b) meneliti usul daripada ahli yang bukan ahli Kerajaan, Rang Undang-undang daripada ahli yang bukan ahli Kerajaan, rayuan-rayuan dan laporan, yang berkaitan dengan Kementerian;
- (c) menyiasat dan melaporkan apa-apa perkara yang berkaitan dengan Kementerian;
- (d) melaksanakan apa-apa perkara lain yang diserahkan kepadanya oleh Majlis atau Menteri dari satu masa ke satu masa.

(4) Jawatankuasa Pemilih boleh dari satu masa ke satu masa meminda Jadual dan pindaan itu hendaklah dibentangkan dalam Majlis.

(5) Jawatankuasa ini berkuasa memanggil orang hadir di hadapannya atau meminta dikeluarkan surat-surat dan rekod-rekod, dan mengeluarkan penyata kepada Majlis dari satu masa ke satu masa.”.

Teks Pindaan

Bil.	Teks Asal	Pindaan
1.	Tiada	Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan berkaitan Kementerian 80B. (1) Hendaklah ada Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan berkaitan Kementerian yang dinamakan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual yang mengandungi tidak lebih daripada dua belas orang ahli yang dilantik oleh Jawatankuasa Pemilih. Pengerusi dan Naib Pengerusi hendaklah dipilih dari kalangan ahli jawatankuasa. (2) Semasa ketiadaan Pengerusi dan Naib Pengerusi oleh sebab keuzuran atau sebab-sebab lain, Jawatankuasa hendaklah memilih mana-mana ahli untuk menjadi Pengerusi bagi mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa itu. (3) Kecuali perkara-perkara yang diperiksa oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara di bawah Peraturan Mesyuarat 77(1), menjadi kewajipan Jawatankuasa untuk— (a) meneliti Rang Undang-undang berkaitan dengan Kementerian yang telah dibacakan kali yang pertama; (b) meneliti usul daripada ahli yang bukan ahli Kerajaan, Rang Undang-undang daripada ahli yang bukan ahli Kerajaan, rayuan-

Bil.	Teks Asal	Pindaan
		rayuan dan laporan, yang berkaitan dengan Kementerian; (c) menyiasat dan melaporkan apa-apa perkara yang berkaitan dengan Kementerian; (d) melaksanakan apa-apa perkara lain yang diserahkan kepadanya oleh Majlis atau Menteri dari satu masa ke satu masa. (4) Jawatankuasa Pemilih boleh dari satu masa ke satu masa meminda Jadual dan pindaan itu hendaklah dibentangkan dalam Majlis. (5) Jawatankuasa ini berkuasa memanggil orang hadir di hadapannya atau meminta dikeluarkan surat-surat dan rekod-rekod, dan mengeluarkan penyata kepada Majlis dari satu masa ke satu masa.

Pindaan Peraturan Mesyuarat 81

Peraturan Mesyuarat 81(1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dipinda dengan menggantikan perkataan “dan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan” dengan perkataan “, Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dan Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan berkaitan Kementerian”.

Teks Pindaan

Bil.	Teks Asal	Pindaan
1.	81. (1) Sesebuah Jawatankuasa Pilihan yang lain daripada Jawatankuasa Pemilih, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat, Jawatankuasa Dewan dan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan akan dikenal dengan nama Jawatankuasa Pilihan Khas. Jawatankuasa ini hendaklah dilantik dengan perintah Majlis dan, dengan tertakluk kepada perintah Majlis, Jawatankuasa ini hendaklah mengandungi siapa-siapa ahli yang dilantik oleh Jawatankuasa Pemilih.	81. (1) Sesebuah Jawatankuasa Pilihan yang lain daripada Jawatankuasa Pemilih, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat, Jawatankuasa Dewan, Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dan Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan berkaitan Kementerian akan dikenal dengan nama Jawatankuasa Pilihan Khas. Jawatankuasa ini hendaklah dilantik dengan perintah Majlis dan, dengan tertakluk kepada perintah Majlis, Jawatankuasa ini hendaklah mengandungi siapa-siapa ahli yang dilantik oleh Jawatankuasa Pemilih.

Pindaan Peraturan Mesyuarat 83

Peraturan Mesyuarat 83 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dipinda—

- (a) dalam perenggan (1), dengan memasukkan selepas perkataan “sampai 80” perkataan “, dan Peraturan Mesyuarat 80B”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perenggan (13) perenggan yang berikut:

“(14) Tuan Yang di-Pertua boleh mengeluarkan apa-apa arahan yang difikirkannya patut dari satu masa ke satu masa bagi apa-apa perkara yang berbangkit dalam perjalanan mesyuarat Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan, dan arahan Tuan Yang di-Pertua itu adalah muktamad.”.

Teks Pindaan

Bil.	Teks Asal	Pindaan
1.	83. (1) Aturan ini adalah dipakaikan kepada semua Jawatankuasa Pilihan, kecuali yang disyaratkan dalam Peraturan Mesyuarat 76 sampai 80.	83. (1) Aturan ini adalah dipakaikan kepada semua Jawatankuasa Pilihan, kecuali yang disyaratkan dalam Peraturan Mesyuarat 76 hingga 80, dan Peraturan Mesyuarat 80B.
2.	Tiada	83. (14) Tuan Yang di-Pertua boleh mengeluarkan apa-apa arahan yang difikirkannya patut dari satu masa ke satu masa bagi apa-apa perkara yang berbangkit dalam perjalanan mesyuarat Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan, dan arahan Tuan Yang di Pertua itu adalah muktamad.

Jadual baharu

Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dipinda dengan memasukkan selepas Peraturan Mesyuarat 100 jadual baharu seperti yang berikut:

“Jadual¹
[Peraturan Mesyuarat 80B]

Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan berkaitan Kementerian

Bil.	Jawatankuasa Pilihan	Kementerian
1.	Kewangan dan Ekonomi	(a) Kementerian Kewangan (b) Kementerian Ekonomi (c) Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (d) Jabatan Perdana Menteri
2.	Kesihatan	Kementerian Kesihatan
3.	Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian	(a) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (b) Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (c) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
4.	Infrastruktur, Pengangkutan dan Komunikasi	(a) Kementerian Kerja Raya (b) Kementerian Pengangkutan (c) Kementerian Komunikasi (d) Kementerian Digital (e) Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (f) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (g) Jabatan Perdana Menteri
5.	Pembinaan Negara Bangsa, Pendidikan dan Pembangunan Sumber Manusia	(a) Kementerian Pendidikan (b) Kementerian Pendidikan Tinggi (c) Kementerian Sumber Manusia (d) Kementerian Perpaduan Negara (e) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (f) Kementerian Komunikasi (g) Kementerian Belia dan Sukan

¹ Pindaan terkini oleh Jawatankuasa Pemilih yang telah dibentang dalam Majlis Dewan Rakyat melalui Penyata DR.27 Tahun 2025 pada 26 Ogos 2025 di bawah Peraturan Mesyuarat 80B(4).

Bil.	Jawatankuasa Pilihan	Kementerian
6.	Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Masyarakat	(a) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (b) Kementerian Belia dan Sukan (c) Kementerian Perpaduan Negara (d) Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
7.	Alam Sekitar, Sains dan Perladangan	(a) Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (b) Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (c) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (d) Kementerian Perladangan dan Komoditi
8.	Keselamatan	(a) Kementerian Dalam Negeri (b) Kementerian Pertahanan (c) Jabatan Perdana Menteri
9.	Perhubungan Antarabangsa dan Perdagangan Antarabangsa	(a) Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (b) Kementerian Luar Negeri (c) Kementerian Ekonomi
10.	Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi	(a) Jabatan Perdana Menteri (b) Mana-mana kementerian yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa

Teks pindaan

Bil.	Teks Asal	Pindaan						
1.	Tiada	Jadual¹ [Peraturan Mesyuarat 80B] Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan berkaitan Kementerian <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <th>Bil.</th><th>Jawatankuasa Pilihan</th><th>Kementerian</th></tr> <tr> <td>1.</td><td>Kewangan dan Ekonomi</td><td>(a) Kementerian Kewangan (b) Kementerian Ekonomi</td></tr> </table>	Bil.	Jawatankuasa Pilihan	Kementerian	1.	Kewangan dan Ekonomi	(a) Kementerian Kewangan (b) Kementerian Ekonomi
Bil.	Jawatankuasa Pilihan	Kementerian						
1.	Kewangan dan Ekonomi	(a) Kementerian Kewangan (b) Kementerian Ekonomi						

¹ Pindaan terkini oleh Jawatankuasa Pemilih yang telah dibentang dalam Majlis Dewan Rakyat melalui Penyata DR.27 Tahun 2025 pada 26 Ogos 2025 di bawah Peraturan Mesyuarat 80B(4).

				(c) Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (d) Jabatan Perdana Menteri
		2.	Kesihatan	Kementerian Kesihatan
		3.	Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian	(a) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (b) Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (c) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
		4.	Infrastruktur, Pengangkutan dan Komunikasi	(a) Kementerian Kerja Raya (b) Kementerian Pengangkutan (c) Kementerian Komunikasi (d) Kementerian Digital (e) Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (f) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (g) Jabatan Perdana Menteri
		5.	Pembinaan Negara Bangsa, Pendidikan dan Pembangunan Sumber Manusia	(a) Kementerian Pendidikan (b) Kementerian Pendidikan Tinggi (c) Kementerian Sumber Manusia (d) Kementerian Perpaduan Negara (e) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (f) Kementerian Komunikasi (g) Kementerian Belia dan Sukan
		6.	Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Masyarakat	(a) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (b) Kementerian Belia dan Sukan (c) Kementerian Perpaduan Negara (d) Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
		7.	Alam Sekitar, Sains dan Perlindungan	(a) Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (b) Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (c) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

				(d) Kementerian Perladangan dan Komoditi
		8.	Keselamatan	(a) Kementerian Dalam Negeri (b) Kementerian Pertahanan (c) Jabatan Perdana Menteri
		9.	Perhubungan Antarabangsa dan Perdagangan Antarabangsa	(a) Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (b) Kementerian Luar Negeri (c) Kementerian Ekonomi
		10.	Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi	(a) Jabatan Perdana Menteri (b) Mana-mana kementerian yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa